

Isu Iraq antara perbincangan utama

UM 25 FEB 2003

SIDANG Kemuncak Ke-13 Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) yang bermula semalam sehingga hari ini membincang dan menyentuh beberapa perkara penting.

IRAQ

DEKLARASI oleh ketua-ketua negara sidang kemuncak ke-13 NAM dijangka meluluskan desakan meminta Iraq melucutkan senjata pemusnah besar-besaran.

Selain itu, deklarasi dijangka turut meminta Baghdad supaya akur sepenuhnya dengan resolusi 1441 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berhubung perlucutan senjata.

Deklarasi dijadual memberi kecaman keras membantah sebarang tindakan unilateral (secara bersendirian) oleh Amerika Syarikat (AS) ke atas Iraq.

PBB

PERTUBUHAN itu termasuk enam anggota Majlis Keselamatan PBB masih menunggu laporan terkini daripada pasukan pemeriksa senjata badan dunia tersebut dalam memastikan Iraq membubarkan semua program senjatanya sebelum memutuskan sebarang pendirian mengenai langkah membenarkan tindakan ketenteraan.

Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan memberi mesej yang jelas kepada sidang kemuncak supaya mengenakan tekanan segera ke atas Iraq dalam mematuhi kehendak badan dunia itu supaya melucutkan senjata.

Annan juga menegaskan bahawa kredibiliti Majlis harus dipertahankan.

KOREA UTARA

DEKLARASI sidang kemuncak dijangka menggesa persetujuan secara damai dicapai berhubung pertikaian dengan Korea Utara berhubung program nuklearnya.

Bagaimanapun para perwakilan menyatakan, Pyongyang membantah pengurangan khusus yang meminta negara komunis itu kembali menyertai perjanjian pengawalan senjata (NPT).

Korea Utara memutuskan menarik diri daripada menganggotai perjanjian berkenaan pada awal Januari lalu ketika krisis nuklear di semenanjung Korea sedang meruncing.

PALESTIN

DEKLARASI dijadual mengutuk Israel kerana melakukan pencabulan 'hak asasi secara sistematik' dan laporan jenayah perang di wilayah Palestin.

Ia dijangka menggesa penjenayah-penjenayah perang agar dihadapkan ke muka pengadilan.

Harapan Palestin agar sekatan ekonomi dikenakan ke atas Israel tidak membuahkan hasil yang diharapkan.

Palestin sebelum ini menggesa pemu-lauan dilakukan ke atas semua barangan Israel.

ANTIPERANG

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Pengerusi sidang kemuncak ke-13 NAM menjadikan sentimen antiperang sebagai tema utama ucapan beliau.

Dalam hal ini, Perdana Menteri menggesa anggota NAM bergabung dengan negara-negara kaya ke arah membentuk satu suara seterusnya memperjuangkan keamanan dan perlucutan senjata agar ia digeruni di pentas dunia.

GLOBALISASI

ANGGOTA mengingatkan bahawa NAM merupakan 55 peratus daripada penduduk dunia tetapi kurang 20 peratus keluaran dalam negara kasar (KDNK) dunia dalam ekonomi globalisasi.

Mereka menggesa rakan seanggota bersatu bagi memastikan kepentingan dalam Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) dan kumpulan-kumpulan lain terus terpelihara.

ANGGOTA BARU

NEGARA kecil bekas jajahan Indonesia, Timor Leste serta negara kepulauan Caribbean, St Vincent dan Grenadines secara rasmi disahkan sebagai anggota NAM, sekali gus menjadikan pergerakan itu kini disertai oleh 116 buah negara.

NAM diwakili oleh negara-negara benua Asia, Afrika, Eropah dan Amerika Latin/Caribbean.